



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 17 | Mei 2022 - Syawal 1443H

Syawal Bulan Kemenangan

فَأَسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا
إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maka tetaplah engkau (Muhammad) (di jalan yang benar), sebagaimana telah diperintahkan kepadamu dan (juga) orang yang bertobat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sungguh, Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. [Hud : 112]

Hiasilah bulan Syawal ini dengan amalan berteraskan sunnah Rasulullah SAW:

1. Puasa sunat selama enam hari pada bulan Syawal, memperolehi ganjaran pahala berpuasa sepanjang tahun. Hadis daripada Abu Ayub al-Ansari Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang berpuasa Ramadan, kemudian ia ikuti dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal. Ia akan mendapat pahala seperti puasa setahun penuh."

2. Mengekalkan hubungan silaturrahi dengan cara yang sesuai sepanjang endamik Hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang ingin dipermudahkan rezekinya dan ditangguhkan ajalnya (dipanjangkan umurnya) maka hendaklah dia menyambung tali silaturrahi." (Riwayat al-Bukhari).

3. Jangan rosakkan kemenangan Syawal dengan melakukan maksiat dan dosa. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu:

"Sungguh sangat terhina dan rendah seseorang yang datang kepadanya Ramadan kemudian berlalu sebelum dosanya diampun." (Riwayat Al-Tirmizi).

Mereka yang mempunyai hala tuju dalam kehidupan dan amal akhiratnya, kehidupannya sama ada dalam Ramadan atau diluar Ramadan sentiasa terarah dan terpandu kepada perkara perkara kebaikan dan amal akhirat. Orang yang menjadi hamba Allah akan sentiasa istiqamah dalam amalnya sama ada di dalam atau diluar Ramadan.

Tajwid Bersama UHA

Hamzah Qata'

Hamzah Qata' iaitu hamzah yang tetap bacaannya sama ada dimulakan dengannya atau sebaliknya.

Hamzah ini dinamakan dengan Hamzah Qat'ie kerana hamzah ini mempunyai baris yang pasti atau tetap kewujudannya. Hamzah Qat'ie boleh menerima baris dan ditulis dengan nyata barisnya.



iDART

TEKUN melaksanakan ibadah/tanggungjawab/amanah sepanjang masa dan tidak bermusim.

Diterbitkan oleh Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor